

Mahathir gembira melihat semangat ahli-ahli UMNO

25 DEC 1983

ALUR SETAR 24 Dis. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini gembira kerana dapat melihat semangat ahli-ahli UMNO di seluruh negara yang sangat kuat hingga mencapai kejayaan menyelesaikan isu pindaan perlembagaan baru-baru ini.

"Kita baru sahaja berjaya menyelesaikan masalah pindaan perlembagaan dengan jayanya, walaupun ada orang berkata kita terlalu

bertolak ansur, tetapi kita mesti mencari jalan tengah bagi menyelesaikannya", ujar Perdana Menteri.

Presiden UMNO itu menyebut: "Kita akan runtuh sekiranya kemenangan tidak dicapai".

Berucap di upacara perletakan batu asas Kompleks Niaga UMNO bahagian Kubang Pasu berharga \$1.4 juta di Bukit Kayu Hitam petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru ahli-ahli

UMNO terutama Pemuda dan Wanita mesti bertekad dengan lebih giat lagi.

"Saya ingin lihat UMNO jadi sebuah badan yang sihat, jujur dan beramanah", tegas Presiden UMNO itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyebut bahawa politik yang bergantung kepada kekayaan adalah tidak sihat.

Beliau mahu UMNO menjadi satu badan yang sederhana yang mempunyai duit yang cukup dan baik.

Beliau mengingatkan ahli-ahli UMNO jangan berniat untuk naik dengan cepat dan mendapat kuasa melalui kekayaan.

Lebih 20,000 orang penduduk di kawasan pilihanraya Kubang Pasu telah memberi sambutan dan mengalu-alukan Datuk Sri Dr. Mahathir dan isterinya Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah di majlis tersebut yang pertama selepas beliau berjaya menyelesaikan isu pindaan perlembagaan baru-baru ini.

Bercakap mengenai bidang perniagaan pula, beliau mengingatkan peniaga-peniaga bumiputera supaya jangan terlalu mudah kecewa dan hendak mencapai kejayaan yang terlalu cepat.

Menurutnya, bidang-bidang perniagaan pada mulanya "kita mungkin menghadapi kerugian tapi kita mesti cekal dan tabah hati sehingga kita mencapai kejayaan".

Katanya, inilah tugas-tugas kerajaan dan akan berusaha memberi latihan-latihan terutama dalam bidang pengurusan yang diperlukan.

Perdana Menteri meminta kaum-kaum lain supaya memberikan kerjasama kepada kaum bumiputera yang tidak akan merugikan mereka.

"Kalau bumiputera berjaya mereka juga akan mendapat keuntungan", katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mahu peniaga-peniaga bumiputera yang lebih maju berniaga di gerai-gerai kemudiannya meningkatkan perniagaan di tempat-tempat yang lebih besar untuk bersaing dengan peniaga-peniaga lain dengan mempunyai sikap tabah hati, kecekapan mengurus dan mesti sanggup menghadapi kerugian dahulu.

Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan kaum bumiputera jangan terlalu menekankan nikmat dari kerajaan — untuk diri sendiri sahaja, tetapi mesti ingat kepada orang lain di zaman kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara ini sekarang.